



DIALOG & PELANCARAN ALBUM  
**MATHNAWI  
RUMI**  
KOPRATASA

DISEMPURNAKAN OLEH

Y.B. SENAPATON DATO' DR. ASYRAF WAJDI DATO' DUSUKI  
TIMBALAN MENTERI DI JAJARAN PERDANA MENTERI

FEBRUARI 2016 (SEKUTUP) 9.00 PAGI | AUDITORIUM, INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA



**DATUK DR. ASYRAF WAJDI DUSUKI  
LANCARKAN ALBUM MATHNAWI  
RUMI KOPRATASA**



## CONTENTS / KANDUNGAN



### WHAT'S IN THE NEWS / BERITA TERKINI

- 03 Terjemah karya sufi didik generasi – Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki

### SPECIAL EVENT / PROGRAM KHAS

- 04 Bait indah Mathnawi Rumi tarikan ke arah integriti

### BREAKFAST TALK / SYARAHAN

- 05 Diskusi kanser dari perspektif integriti

### NEWS / BERITA

- 06 INTEGRITI lancar projek pembangunan integriti oleh komuniti dengan PBT
- 07 Perbincangan pemurnian laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) 2014
- 08 Bengkel Pemurnian Pelan Integriti Polis Diraja Malaysia di INTEGRITI

- 09 INTEGRITI buat lawatan kerja dua hari ke Pulau Pinang

### FEATURES / RENCANA

- 10 Isu integriti, ketaksamaan dan geopolitik dalam TPPA

### NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU PUSAT ILMU INTEGRITI

- 13 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu INTEGRITI

### GALLERY / GALERI

- 14 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di INTEGRITI

## EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

#### Advisor

Dr. Anis Yusal Yusoff

#### Editor

Zubayry Abady Sofian

#### Assistant Editor

Nor Azni Ahmad Husairi

#### Staff Writers

Norsheeda Din  
Aimi Farhana Mohd Amin

#### Photographer

Rosalizawati Arshad

#### Cover

Aryzam Rahim

#### Contributors

Fison Hamdi Ahmad  
Maszura Majid  
Nabil Eiman Azman  
Anuar Ahmad  
Wan Nooraine Husin  
Mohd Hafizdi Che Md Akhir

Published monthly by

**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

# TERJEMAH KARYA SUFI DIDIK GENERASI MUDA – DATUK DR. ASYRAF WAJDI DUSUKI

**K**UALA LUMPUR: Penterjemahan karya agung ulama sufi seperti Jalaluddin Rumi pada abad ke-13 Masihi berupaya mengisi kekosongan jiwa dan akal budi generasi muda pada masa kini akibat pengaruh teknologi khususnya media sosial.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, berkata terjemahan karya agung tokoh sufi yang turut diiktiraf sarjana Barat itu penting dalam mendidik generasi muda.

“Pengaruh media sosial seolah-olah mencabut akal budi dan jiwa kemanusiaan generasi muda sehingga mereka hilang hala tuju dan terjerumus ke dalam pelbagai gejala sosial.

“Imam Al-Ghazali berkata negara pada masa depan dapat dilihat berdasarkan generasi hari ini. Justeru, sekiranya mereka tidak dididik dengan kemanusiaan dan kerohanian serta prinsip dan akal budi tinggi melalui karya agung, saya khawatir negara kita tidak akan ke mana-mana,” katanya pada Dialog dan Pelancaran Album Mathnawi di Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) di sini.

Turut hadir ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr Anis Yusal Yusoff; Pengarah Urusan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Mohd Khair Ngadiron; Pengarah Urusan Luncai Emas, Datuk M Nasir; Pengarah Produksi Luncai Emas, Mohd Khirin Omar dan Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia, Dr. Mohamad Saleeh Rahamad.



Asyraf Wajdi yang memuji sinergi dalam melahirkan album Mathnawi oleh Koprata berkata, usaha itu menjadi sebahagian proses yang dapat mendidik generasi muda untuk menghargai karya agung.

Sementara itu, Mohd Khair berkata kelahiran album Mathnawi itu bukan sekadar untuk dinikmati dalam bentuk muzik, bahkan mengangkat akal budi bangsa.

Beliau berkata, selepas terjemahan Kitab Mathnawi Jalaluddin Rumi yang dilakukan ITBM pada lima tahun lalu, sinergi pintar untuk menerbitkan album Mathnawi itu diharap membawa dimensi baharu pada karya tokoh Islam tersohor itu sendiri.

“Genre buku tidak boleh kekal dalam bentuk penerbitan sedia ada saja, sebaliknya perlu disebarluaskan untuk membolehkan sesuatu karya dinikmati.

“Karya Rumi misalnya sukar difahami sehingga mendorong pihak kami menerbitkannya dalam bentuk album lagu untuk memberi ruang melalui dimensi lain untuk karya itu dilihat dengan lebih dekat,” katanya.

Penerbitan hasil kerjasama ITBM dan Luncai Emas Sdn Bhd (Luncai Emas) itu, memuatkan lima lagu daripada puisi Rumi yang diterjemah ke bahasa Melayu oleh Prof Dr Sayyid Mohamed Ajlmal Abdul Razak Al Aidrus dan dinyanyikan oleh kumpulan Koprata yang dianggotai Mohd Yusof Ahmad dan Sani Sudin.



(Dari kiri) Mohd Nizam Mohd Ali, Dato' M. Nasir, Dr. Suzana Suhailawaty Md Sidek dan Syed Mohd Zakir Syed Othman

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif ITBM, En. Khair Ngadiron menyerahkan naskhah Mathnawi kepada Dato' Dr. Asyraf Wajdi

## BAIT INDAH MATHNAWI RUMI TARIKAN KE ARAH INTEGRITI

Oleh Fison Hamdi Ahmad

Memiliki nilai sentimental yang istimewa, puisi dan lagu merupakan sarana yang acap kali digunakan untuk menyebarkan kata-kata hikmah dan elemen integriti kepada masyarakat, sama ada secara langsung ataupun sebaliknya.

Melihat daripada perspektif berkenaan, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bersama-sama dengan Institut Terjemahan Malaysia (ITBM), Syarikat Luncai Emas Sdn



Kumpulan Koprataasa menunjukkan album terkini mereka, Mathnawi Rumi Koprataasa

Bhd dan kumpulan penyanyi Koprataasa telah mengorak langkah dengan mengadakan satu kerjasama pintar iaitu menerusi penganjuran sesi dialog dan majlis pelancaran album Mathnawi Rumi Koprataasa yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dato' Dusuki pada 16 Februari yang lalu.

Berlainan daripada kebiasaan majlis pelancaran album diadakan, atur cara pada hari tersebut dimulai dengan sesi forum dan dialog yang membincangkan tentang karya agung Mathnawi hasil nukilan ahli sufi dan tasawuf tersohor, Jalal ad-Din Muhammad Rumi berpaksikan integriti. Ahli panel yang dijemput khas untuk sesi berkenaan ialah seniman terkenal dan Pengarah Urusan Syarikat Luncai Emas, Dato' M. Nasir, Pengarah Kanan INTEGRITI, Mohd Nizam Mohd Ali dan Dr. Suzana Suhailawaty Md Sidek dari Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) yang mewakili penterjemah buku Mathnawi, Prof. Dr. Sayid Ajmal Al-Aidrus.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusaf Yusoff, inti pati tulisan Rumi benar-benar menarik minat dan keinginan INTEGRITI untuk bersama-sama memartabatkan dan menyebarkan keberadaannya kepada umum, apatah lagi karya berkenaan telah diangkat dan diiktiraf di peringkat dunia sebagai khazanah yang tidak ternilai.

"Lahirnya Album Mathnawi yang memuatkan lagu-lagu puisi yang dipetik daripada karya Rumi ini menjadi satu batu loncatan untuk kita mula menyuntik rasa minat dalam kalangan masyarakat terhadap karya Mathnawi ini. Malah, setiap bait puisi ini jika dirungkai dan didalami sudah pasti tidak akan lari daripada menarik hati ke arah integriti," tambah beliau.

Dr. Anis Yusaf turut berharap gandingan dan jalinan kerjasama antara INTEGRITI dengan seniman tanah air untuk menyebarkan mesej integriti melalui seni, budaya dan warisan akan berpanjangan.

# DISKUSI KANSER DARI PERSPEKTIF INTEGRITI

Oleh Maszura Majid



(Dari kiri) Datuk Dr. Jeyaindran Tan Sri Sinnadurai, Dr. Anis Yusal Yusoff, Farahida Dato' Mohd Farid dan Mohd Zulhilmi Suderman

**K**epercayaan ramai bahawa penghujung kanser adalah maut tidak lebih daripada mitos semata-mata. Malahan, ia turut melahirkan senario prejudis dalam masyarakat.

Mengambil kira perspektif berkenaan, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan diskusi berjudul "Penjagaan Kesihatan Kanser, Tanggungjawab Kita: Perspektif Integriti" pada 17 Februari lalu di Menara Integriti. Ia bersempena dengan sambutan Hari Kanser Sedunia yang disambut pada 4 Februari setiap tahun.

Tujuan utama penganjuran diskusi ini adalah untuk berkongsi pandangan dan pengalaman tentang isu berkaitan integriti dalam keluarga. Selain itu, ia turut membincangkan perihal etika perniagaan dan integriti kos rawatan serta penjagaan kesihatan yang membawa kepada

peningkatan kualiti hidup masyarakat.

Menurut pembicara utama, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Jeyaindran Tan Sri Sinnadurai, adalah dijangkakan bahawa kes kanser akan meningkat kepada 57,000 orang berbanding seramai 90,000 yang menerima rawatan kanser dalam negara pada tahun 2014. Akuinya, empat faktor utama kanser ialah umur, cara hidup, persekitaran dan jangkitan kronik.

Selain, Datuk Dr. Jeyaindran, turut hadir berkongsi pandangan dan pengalaman ialah wakil Pengurus Besar Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Farahida Dato' Mohd Farid dan Mohd Zulhilmi Suderman. Zuhilmi merupakan *survivor* kanser paru-paru tahap 4.

Hasil diskusi berkenaan, Dr Anis Yusal Yusoff memaklumkan bahawa

INTEGRITI akan menyediakan satu kertas kerja berkaitan isu-isu integriti dalam penjagaan kesihatan kanser untuk diserahkan kepada kerajaan. Tambahnya, ini penting bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat di negara ini.



Asisten Komisioner Rabuan Pit antara peserta yang mengajukan soalan ketika sesi soal jawab

# INTEGRITI LANCAR PROJEK PEMBANGUNAN INTEGRITI OLEH KOMUNITI DENGAN PBT

Oleh Nabil Eiman Azman

Sebagai kelangsungan kepada usaha mempromosikan integriti dalam kalangan masyarakat, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah melancarkan projek Pembangunan Integriti Oleh Komuniti yang juga dikenali sebagai *Community Integrity Building* (CIB) bersama dengan beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ). Selain PBT, projek jangka panjang ini turut membabitkan secara langsung pihak-pihak lain seperti jawatankuasa penduduk di kawasan berkaitan.

Lanjutan daripada itu, satu pertemuan telah berlangsung antara INTEGRITI dengan MBMB dan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 20 Paya Rumput, Melaka pada 16 Februari 2016. Pertemuan tiga hala ini yang disertai oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Paya Rumput, Datuk Sazali Mohd Din dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Ahmad Fadzi Ahmad Tajuddin diadakan bagi menjelaskan lebih lanjut tentang CIB kepada MBMB dan JPP Paya Rumput agar ia dapat dilaksanakan dengan lancar dan jaya.

Penerangan tentang tugas dan tanggungjawab pihak-pihak berkaitan disampaikan sendiri oleh Penyelaras Program CIB, Mohd Rezaidi Mohd Ishak. Hasil daripada pertemuan tersebut, masing-masing bersetuju untuk mengadakan Bengkel Pembelajaran Bersama JPP Zon 20 Paya Rumput dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, satu majlis Pentauliahan *Community Project Monitor*



Pertemuan antara INTEGRITI, MBMB dan JPP Zon Paya Rumput

telah berlangsung pada keesokan harinya di bangunan MPSJ, Subang Jaya, Selangor. Ia disempurnakan oleh Yang Dipertua MPSJ, Dato' Norhisham Ahmad Dahlan. Majlis berkenaan diadakan bagi mengiktiraf Jawatankuasa Penduduk Zon 3 sebagai pemantau projek komuniti yang dilantik secara langsung oleh MPSJ. Jawatankuasa Penduduk Zon 3 ini merangkumi lima kawasan iaitu USJ 3, USJ 9, USJ 11, USJ 12 dan USJ 13.

Selaras dengan pengiktirafan tersebut, pemantau projek komuniti bertanggungjawab mengawasi kerja-kerja kontraktor dengan mengumpulkan maklumat berbentuk gambar dan video agar ia boleh dijadikan bukti pelaksanaan projek di samping menyediakan laporan penilaian jawatankuasa kerja.

Berbanding beberapa PBT lain, MPSJ merupakan PBT yang pertama dipilih untuk melaksanakan projek perintis CIB dengan INTEGRITI.



Merakam kenangan di akhir majlis Pentauliahan *Community Project Monitor*

# PERBINCANGAN PEMURNIAN LAPORAN SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN) 2014

Oleh Anuar Ahmad



Pada 18 Februari lalu, satu perbincangan telah diadakan di Menara Integriti bagi memurnikan laporan hasil dapatan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) yang diperolehi daripada bengkel perbincangan SPAN yang berlangsung pada Disember 2015 di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin dan Ketua Unit Psikologi, Bahagian Perkhidmatan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Dr. Rusnah Abdul Ghani.

Selain pegawai-pegawai INTEGRITI dan JPA, perbincangan berkenaan

turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada Bahagian Psikologi JPA, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

SPAN iaitu sistem yang diwujudkan untuk mengukur dan menilai tahap amalan nilai teras dalam

perkhidmatan awam agar setiap agensi kerajaan dapat mengenal pasti kelemahan masing-masing, sekali gus memungkinkan kepada pembangunan pelbagai program yang bersesuaian. Ini penting agar amalan nilai murni yang ditingkatkan dapat menjadikan perkhidmatan awam lebih efektif, telus dan berkualiti.





## BENGGKEL PEMURNIAN PELAN INTEGRITI POLIS DIRAJA MALAYSIA DI INTEGRITI

Oleh Wan Nooraine Husin

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN), Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sering dijadikan tempat rujukan penyediaan Pelan Integriti.

Kelanjutan daripada itu, satu Bengkel Pemurnian Pelan Integriti Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diadakan di Menara Integriti selama lima hari bermula 15 Februari yang lalu. Pelaksanaan bengkel

berkenaan adalah bagi membantu PDRM membuat semakan semula terhadap Pelan Integriti PDRM (PIPDRM) sedia ada untuk tempoh 2016-2020.

Antara skop yang disentuh sepanjang bengkel ialah berkaitan pelaksanaan analisis secara terperinci tentang pencapaian PIPDRM sedia ada yang masih diguna pakai oleh PDRM. Di samping itu, bengkel ini turut membantu PDRM mengenal pasti isu serta masalah dalaman organisasi berkenaan

dan tanggapan masyarakat terhadapnya berdasarkan konteks integriti.

Menerusi bengkel ini, satu pelan pelaksanaan strategik untuk membimbing warga PDRM bergerak ke hadapan menerusi pelbagai program dapat dirangka. Ini perlu agar setiap warga PDRM sentiasa 'sehaluan' dan bersatu padu sebagai satu pasukan yang mantap sama ada pada peringkat pengurusan mahupun operasi.



Suasana sekitar bengkel PIPDRM



# INTEGRITI BUAT LAWATAN KERJA DUA HARI KE PULAU PINANG

Oleh Mohd Hafizdi Che Md Akhir

Seiring dengan pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak pada 14 Ogos tahun lalu di Putrajaya, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah dilantik sebagai Pusat Rujukan dan Runding Cara untuk Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP).

Bagi membantu jawatankuasa berkenaan menyediakan Pelan Tindakan Pembiayaan Politik untuk diserahkan kepada kerajaan, INTEGRITI telah mengambil inisiatif mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak, sama ada dalam skala yang kecil ataupun besar dengan harapan agar segala input, nasihat dan cadangan yang diperoleh dapat dimanfaatkan sepanjang proses penyediaan pelan berkenaan. Untuk itu, INTEGRITI telah merangka tiga siri program konsultatif dengan masyarakat sivil dan parti politik di Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Lanjutan daripada itu, satu lawatan kerja telah diadakan ke Pulau Pinang pada 26 dan 27 Februari 2016 bagi mendapatkan input serta pandangan banyak pihak sebagai usaha untuk merealisasikan program konsultasi di negeri berkenaan pada masa hadapan.

Dalam pertemuan berasingan, lawatan selama dua hari yang diketuai oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI yang juga merupakan Setiausaha JKNMPP, Dr. Anis Yusal Yusoff telah berpeluang bertemu dengan beberapa orang tokoh penting.

Antara tokoh yang ditemui ialah Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Datuk Rashid Hasnon, Ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan aktivis masyarakat, Dato' (Dr.) Anwar Fazal, Jawatankuasa Tertinggi Pusat DAP dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, YB Zairil Khir Johari, Pegawai Integriti Bertauliah dan Penasihat Undang-Undang Universiti Sains Malaysia (USM), En. Khairul Anuar Che Azmi, mantan Ahli Dewan Negara, Dato' Dr. Mustafa Kamal Mohd Yusoff, Konsul Jeneral Kehormat Negara Pakistan di Malaysia yang juga bekas Ketua Pemuda UMNO Bahagian Jelutong, Dato' Hj. Abdul Rafique Karim dan Prof. Madya Dr. Reevany Bustami dari Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa USM,

Meskipun singkat, lawatan berkenaan cukup bermakna kerana semua input dan pandangan yang diperoleh daripadanya akan digunakan untuk merangka gerak kerja program konsultatif di Pulau Pinang dan juga penyediaan Pelan Tindakan Pembiayaan Politik.



Dr. Anis Yusal Yusoff bersama Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Datuk Rashid Hasnon



YB Zairil Khir Johari meluangkan waktu bertemu delegasi INTEGRITI



Delegasi INTEGRITI sempat menjamu selera dengan Dato' (Dr.) Anwar Fazal

# ISU INTEGRITI, KETAKSAMAAN DAN GEOPOLITIK DALAM TPPA

Oleh Azwan Rahman

Disiarkan dalam [www.themalaysianinsider.com](http://www.themalaysianinsider.com), 31 Januari 2016

Jika disingkap semula kisah tokoh kepimpinan sejarah Melaka pada abad ke-15 khususnya sewaktu era Tun Perak, pasti mengingatkan kita dengan karismatik dan kehebatan beliau dalam memimpin pentadbiran Melaka.

Selain Sultan, Tun Perak juga berperanan penting dalam menentukan hala tuju Melaka dalam kerjasama perdagangan bebas.

Maka sebelum wujudnya Amerika Syarikat (AS) sebagai negara hegemoni, Melaka telahpun terlibat dengan negara hegemoni ekonomi pada kurun ke-15 iaitu dari empayar China, Arab dan India.

Malah fakta ini perlu diketahui rakyat Malaysia iaitu kerjasama dengan China, Arab dan India dalam perdagangan terdahulu juga tidak wujud sebarang perjanjian rumit hingga melibatkan campur tangan undang-undang, malah lebih bebas daripada TPPA ini!

Berdasarkan sejarah ringkas Tun Perak dan Melaka, maka kerajaan Malaysia berpendirian tindakan menyertai TPPA adalah sebagai menjunjung intipati dan prinsip falsafah perdagangan bersejarah tersebut.

Justeru, pada awal tahun ini juga, terbit satu dokumen MITI yang turut menjelaskan pendirian Malaysia dalam TPPA adalah sebagai mengambil kira pendekatan dan falsafah sejarah perdagangan Melaka.

Pada halaman 4 di dalam dokumen ini menjelaskan "... falsafah perdagangan ini menjadi intipati sejarah dan warisan negara semenjak Melaka menjadi pelabuhan entrepot utama di rantau ini pada kurun ke-15 dan 16...".

Perkara ini juga turut ditekan sekali lagi Yang Berhormat Menteri MITI di dalam Parlimen mengenai persidangan khas TPPA pada 26 Januari lepas.

Maka usaha kerajaan dalam menjunjung pendekatan *longue duree* (sejarah panjang) sejarah kegemilangan Melaka harus dipuji dan perlu disambut baik.

Walaupun begitu, adalah penting untuk diketahui versi perdagangan Malaysia dengan negara luar khususnya dalam konteks TPPA pada hari ini adalah sangat berbeza dengan 13 FTA (Free Trade Area) yang pernah ditandatangani Malaysia sebelum ini.

Selain itu, secara jujurnya, melalui penaakulan ilmu daripada sejarah perdagangan Melaka dan aplikasinya Malaysia dalam

TPPA adalah bercanggah sama sekali.

Terutama dari segi 'kebebasan perdagangan' dalam TPPA lari daripada prinsip sebenar sejarah perdagangan bebas di Melaka kurun ke-15.

Hal ini bukan saja mewujudkan anti tesis terhadap dokumen yang diterbitkan MITI, malah anti tesis kepada perbahasan yang diusulkan menteri dalam persidangan khas TPPA baru-baru ini.

Adalah tidak dinafikan Malaysia merupakan negara pertama yang membahaskan perjanjian ini di dalam Parlimen, dan juga berjaya mempertahankan hak bumiputera dalam rundingan antarabangsa kali ini.

Namun dari segi kewajaran, bukan itu yang sepatutnya perlu dibanggakan.

Hal ini kerana buat pertama kalinya juga dalam sejarah perdagangan bebas, Malaysia dituntut untuk meminda 26 undang-undang sedia ada yang terkandung di dalam persekutuan dan negeri jika ingin sertai perjanjian ini.

Alasannya ialah sebagai menyesuaikan dengan kehendak perjanjian TPPA yang jelas diterajui AS.

Hal ini cukup berbeza dengan sejarah perdagangan Melaka, khususnya dalam ketegasan pemimpinnya dalam menjunjung Hukum Kanun Melaka sebagai undang-undang yang perlu dipatuhi negara luar jika ingin berdagang dengan Melaka.

Secara asasnya, rakyat faham sejarah tersebut, dan memahami akan manfaat daripada perdagangan bebas, kerana sememangnya perdagangan bebas adalah menguntungkan Malaysia sejak dari dulu sehingga kini.

Namun janganlah hingga tunduk kepada negara besar dalam merebut sesuatu yang belum pasti hingga terlepas manfaat yang dikecapi selama ini. Seperti kata pepatah, "yang dikejar tak dapat, yang digendong berciciran".

Seterusnya, label "Harimau Asia" yang dimiliki Malaysia sekitar 1990-an adalah satu lagi bukti pencapaian Malaysia dalam kerjasama perdagangan bebas, ditambah dengan peranan pemimpin negara yang begitu kuat ketika itu.

Namun kemunculan isu integriti sejak tahun tersebut seperti menjadi satu lagi legasi pada hari ini.

Malah melanjutkan kebimbangan rakyat pada hari ini mengenai keupayaan pemimpin Malaysia dalam berurusan dengan perjanjian yang jelas berat sebelah ini.

Justeru, berdasarkan penjelasan di atas, dapat dirangkumkan timbul isu keraguan rakyat berhubung dari segi integriti, kerisauan mengenai ketaksamaan dan kesan geopolitik daripada pelaksanaan TPPA yang bakal disertai Malaysia.

### **Integriti dalam TPPA**

Merujuk kepada Pelan Integriti Nasional 2004, integriti secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi, berkaitan erat dan berlandaskan kepada etika, serta dipraktikkan dalam tindakan sehari-hari.

Justeru, keraguan ini lebih terzahir apabila dakwaan isu berhubung integriti di dalam negara didedahkan sendiri media antarabangsa.

Selain ditambah dengan isu ekonomi yang merudum sejak kejatuhan mata wang Ringgit Malaysia yang begitu signifikan sejak tahun lepas.

Maka adalah wajar bagi kerajaan untuk mempertimbangkan “suara rakyat dan situasi sebenar Malaysia kini” sebelum menandatangani perjanjian ini pada 4 Februari 2016 di Auckland, New Zealand.

Hal ini kerana kualiti unggul dalam integriti seperti kepemilikan integriti adalah sangat diharapkan rakyat kepada pemimpin.

Justeru, harus diperbaiki imej ini di mata dunia dengan lebih segera jika ingin jadikan Malaysia gemilang seperti sejarah Melaka.

Jika Tun Perak masih hidup, pasti jangkaan kekecewaan beliau adalah sangat tinggi, terutama dengan situasi kelemahan negara kini bukan saja menjadi satira di peringkat dalam negara, bahkan menjadi “sebutan” di peringkat antarabangsa.

Faktor ini perlu diambil kira kerajaan, selain saranan ini penting bagi pihak kerajaan untuk bersiap sedia pada masa depan.

Jika kerajaan ingin juga menandatangani perjanjian ini, maka di pihak kerajaan juga harus bersiap sedia dengan jawapan yang cerdas untuk rakyat jika timbulnya isu kegagalan TPPA dalam mengurangkan ketaksamaan dan meningkatkan

ekonomi rakyat dan negara.

Hal ini dibangkitkan kerana adalah sangat dibimbangi dengan pengalaman kebangkrupan negara Greece akibat krisis Eurozone.

Menambahkan lagi kekhawatiran apabila telegraph uk.co melaporkan tahun lepas pengalaman muflis negara Greece adalah kerana masalah integriti khususnya berhubung rasuah dan kronisme yang berleluasa di dalam negara.

### **Ketaksamaan dalam TPPA**

Seterusnya dari segi isu ketaksamaan, ianya tidak datang bersendirian.

Keadaan ini wujud apabila integriti dalam politik dan ekonomi tidak dipatuhi pada etikanya.

Kesan ini menyebabkan ketidakpuasan rakyat, dan menyebabkan jurang di antara yang kaya dan miskin semakin luas.

Pada pendapat penulis, ini berlaku adalah disebabkan ketidakberkesanan sesebuah polisi di dalam sesebuah negara.

Bagaimana pula dengan daya ketahanan Malaysia dalam menghadapi arus deras ketaksamaan ekonomi negara besar dalam perjanjian ini ?

Persoalan ini cukup membimbangi rakyat, kerana jelas di dalam perjanjian TPPA tidak menjanjikan mana-mana negara yang menyertai harus membantu negara anggota dalam mengatasi isu ketaksamaan.

Selain itu, perjanjian ini jelas mengangkat daya persaingan dalam pasaran bebas tetapi bukannya saling melengkapi.

Seperti mana dijelaskan Prof Jomo dalam laporan The Edge, iaitu perjanjian TPPA ini bakal memberi kesan kepada kehilangan pekerjaan dan mencetuskan ketaksamaan yang tinggi, selain menuntut negara terlibat untuk mempertimbangkan pindaan terhadap undang-undang tertentu.

Justeru, walaupun fakta angka adalah perlu untuk mengukur ketaksamaan, namun sebenarnya adalah cukup bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui pengalaman sebenar sejarah negara maju (khususnya seperti AS) dari segi tindakan

ekonomi dan politiknya ke atas negara sedang membangun.

Maka untuk mengandaikan keberhasilan daripada perdagangan TPPA dengan situasi terkini Malaysia dengan sikap eksploitasi AS yang sedia ada, maka adalah sukar untuk diramalkan kejayaan Malaysia dalam perjanjian ini dari sudut mengurangkan jurang ketaksamaan ini.

### **Geopolitik dan TPPA**

Selain itu, ingin juga disentuh berkenaan dari segi kepercayaan rakyat terhadap kerjasama geopolitik serantau dengan AS.

AS secara terang-terang melakukan "Pasak Asia" dan TPPA ialah salah satu instrumennya.

Hal ini cukup membebankan Malaysia, terutama dalam masa sama Malaysia bersetuju dan menandatangani persetujuan sebagai negara pengasas AIBB melalui kerjasama erat dengan China dalam Projek OBOR, yang juga seteru kepada AS.

Walaupun TPPA dan OBOR jelas mempamerkan Malaysia sebagai negara strategik, tetapi realitinya kita "tersepit" di antara 2 buah kuasa besar itu.

Namun berdasarkan perkongsian pengalaman sejarah dan kronologi yang dijelaskan, membuktikan China adalah lebih jujur daripada AS.

Justeru, ingin ditegaskan sekali lagi artikel ini tidak menolak perdagangan bebas dengan mana-mana negara, tetapi kita perlu perbaiki masalah dalaman ini terlebih dulu, dan menilai 'jerat-jerat' terselindung di sebalik semua perjanjian yang boleh digelar sebagai tindakan "Heartland 21st Century Version".

Ini perlu diperhalusi, kerana dari segi pengalaman, Malaysia tidak bermasalah dalam perdagangan bebas, malah mempamerkan pertumbuhan yang positif sebelum wujudnya lagi TPPA.

Akhir kalam, kerajaan harus sedar pengamatan sejarah bukan bersifat "tangkap muat", tetapi harus dihayati dan dimanfaatkan dengan acuan yang sebenar.

Selain itu, fakta sejarah kegemilangan perdagangan Melaka dan keintegritian Tun Perak yang menyebabkan beliau dan Melaka dihormati negara besar seperti China, Arab dan India perlu dimanfaatkan dan dipraktikkan Malaysia dalam kepimpinan pada hari ini.

Dalam pada itu, secara sejarahnya juga turut membuktikan negara besar seperti China, Arab dan India tidak pernah mendesak Melaka untuk mengubah sedikitpun peraturan dan undang-undang yang terkandung dalam

Hukum Kanun Melaka, apatah lagi menakluk Melaka seperti mana yang dilakukan Barat.

Justeru, kerajaan juga tidak perlu terlalu tergopoh-gapah, dan terlalu memikirkan kelebihan "first mover advantage" dalam soal perjanjian TPPA ini.

Sebaliknya, Malaysia seharusnya memikirkan kelebihan "first mover advantage" dalam soal memperjuangkan integriti, mengurangkan garis ketaksamaan, dan memperkukuhkan lagi tradisi terbaik-baik dan dasar berkecuali sebagai mengeratkan hubungan dengan negara jiran serantau.

Ini kerana, gabungan sinergi ini adalah sangat dijangka dan dijamin bakal meningkatkan keyakinan pelabur luar untuk berdagang di Malaysia.

Selain itu, usaha ini bukan saja dapat membantu peluang Malaysia untuk mengecapi negara maju dan berintegriti dari segi ekonomi, bahkan membentuk minda dan tindakan kelas pertama.

Ayuh rakyat dan pemimpin Malaysia, "Rapatkan Jurang, Sebulat Integriti, Inshaallah Terbentuknya Ke Arah Kemajuan Negara Sejahtera!!!

# GOVERNANCE

*Publisher: Polity Press*


*First published 2005*

*Writer: Anne Mette Kjær*

**G**overnance is an easy-to read introduction to an increasingly important concept in political science. It provides a clear overview of how the concept has been used in the sub-fields of public administration and public policy, international relations, European studies, and comparative politics.

There is no universally accepted and agreed definition of 'governance'. It remains an elusive theory, defined and conceptualized in various ways. In this book, Anne Mette Kjær guides the reader through the key theoretical debates which have given rise to distinct interpretations of governance. Drawing on a wide range of empirical examples to illustrate her arguments, the author explores how governance has been used in different ways to describe political changes in the modern world. She goes on to weigh up the pros and cons of governance as an analytical term, and concludes with a discussion of the World Bank's role as an international organization which aims to promote 'good governance' in poor countries across the globe.

This is the first textbook to offer a systematic assessment of current debates around the concept of governance. It will be a valuable resource for students of politics, international relations and public policy.




# A THEORY OF GOVERNANCE

*Publisher: University of California Press*

*First published 2013*

*Writer Mark Bevir*

**T**his book explores philosophical, sociological, and democratic approaches to organization. Bevir offers a humanist and historicist perspective, arguing that people creatively make and remake organizations in particular contexts. By highlighting the meaningful and contingent nature of action, he reexamines the concepts of state, nation, network, and market, and he calls for democratic innovations.





### LAWATAN

Pada 10 Februari lalu, INTEGRITI telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal di Putrajaya. Delegasi INTEGRITI telah diketuai sendiri oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Anis Yusal Yusoff.

### LAWATAN

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Pengerusi *State Audit Institution (SAI)* Oman, Mr. Nasser Hamood Al Rawahy dan Pengarah Latihannya pada 29 Februari 2016.



### LAWATAN

Pada 23 Februari 2016, INTEGRITI telah menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi *The Malaysian British Society (MBS)*, Dato' Anthony Cooper.



### PERTEMUAN

Satu pertemuan ringkas telah berlangsung antara Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff dengan Pengarah Strategi Parti Amanah Negara, Dr Dzulkefly Ahmad pada 12 Februari yang lalu di Shah Alam bagi membincangkan isu berkaitan pembiayaan politik.



SIARAN LANGSUNG

Pada 4 Februari lalu, Pengarah INTEGRITI, Mohd Ismail Abdul Jalil telah dijemput dalam sesi temu bual secara langsung Selamat Pagi Malaysia oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) bagi mengupas topik Ke Arah Merealisasikan TPPA - dari perspektif INTEGRITI.

LAWATAN

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff menerima kunjungan hormat Presiden Majlis Belia Malaysia, Hj. Mua'amar Ghadafi Jamal Datuk Wira Jamaluddin pada 24 Februari 2016.



JURAN : Pejabat SUK Negeri Kelantan dan Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Kelantan



PERKONGSIAN

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff telah dijemput memberikan perkongsian dalam Program Peningkatan Kerjaya Pegawai Tadbir Negeri Kelantan 2016 pada 18 Februari lalu bersempena Seminar Pemantapan Integriti anjuran Pejabat SUK Negeri Kelantan dan Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Kelantan.



[www.integrity.my](http://www.integrity.my)

